

Tiada kuota khas tambahan pekerja asing

LARUT - Tiada kuota khas dikeluarkan di peringkat menteri kepada mana-mana pihak bagi mendapatkan tambahan pekerja asing, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Beliau berkata, perkara itu telah lama dihapuskan dan ditambah baik dengan beberapa kaedah baharu yang perlu melalui syarat lebih ketat.

Menurut beliau, ketika ini sebarang kuota tambahan kemasukan itu perlulah mendapat kelulusan daripada jawatankuasa khas pengambilan pekerja asing selepas melalui penilaian Kementerian Sumber Manusia.

“Dulu ya, Kementerian Dalam Negeri bagi, tetapi sekarang tidak.

“Saya sudah serahkan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk mencari dan menilai siapa (majikan) yang perlukan dan berapa ramai (pekerja asing) yang benar-benar mereka perlu.

“Contohnya, dia kata nak 100 (kuota pekerja asing), yang dapat hanya 50 orang, kalau perlu tambahan maka dia boleh buat rayuan kepada Kementerian Dalam Negeri dan perkara itu akan dinilai dalam mesyuarat jawatankuasa,” katanya ketika



Hamzah (tengah) ketika meninjau Jualan Keluarga Malaysia di Arena Square Wan Abu Bakar, di Kampung Masjid, Ipoh pada Sabtu.

ditemui sempena Kenduri Rakyat di Kampung Tapah, Selama di sini pada Sabtu.

Ahli Parlimen Larut itu turut berkesempatan hadir program Jualan Keluarga Malaysia di Arena Square Wan Abu Bakar, Kampung Masjid, Ipoh.

Hamzah berkata, pentadbiran kerajaan sekarang telah melakukan perubahan bagi mengelakkan kemasukan pekerja asing sewenang-wenangnya.

Menurut beliau, dalam sektor perladangan misalnya, jika majikan memerlukan khidmat pekerja asing yang ramai, mereka masih tertakluk kepada per-

untukan Akta Buruh yang memerlukan penyediaan tempat tinggal dan sebagainya.

“Walaupun majikan itu layak dapat 1,000 kuota pekerja asing, kerana tidak mencukupi kriteria seperti tiada tempat tinggal, maka yang layak diluluskan mungkin hanya 400 orang.

“Jadi jangan bimbang, perkara ini telah saya perbetulkan, isu (kuota khas) ini legasi lama, jadi mungkin rakyat ingatkan perkara dan kaedah lama.

“Kaedah baharu ini agak ketat kerana kita tidak mahu bagi kuota pekerjaan itu terlalu bebas,” katanya.